

CNS0166

U GB 18-06 00175 BA018

aab

Mahathir - Pakatan

PENGELUAR KAYU TROPIKA PERLU SEPAKAT

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Negara-negara pengeluar kayu tropika perlu bersepakat kerana persaingan sesama sendiri akan hanya menguntungkan negara pembeli, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Perdana Menteri berkata kerjasama di antara negara-negara pengeluar seperti Malaysia dan Indonesia amat perlu bagi memastikan harga kayu tropika tidak turun di pasaran.

"Kalau kita bersaing sesama sendiri yang untung ialah pembeli, bukan penjual," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan upacara menandatangani perjanjian pengambilalihan berbalik antara Cash Berhad, sebuah syarikat yang beribu pejabat di Sabah, dan Barito Pacific Group dari Indonesia, bernilai RM2,590 juta di sini.

Di samping itu, katanya, langkah seumpama itu juga perlu diambil bagi menangkis sebarang usaha negatif yang dianjurkan oleh pengeluar kayu iklim sederhana bagi meningkatkan pasaran kayu mereka sendiri.

"Kalau kita sepakat kita akan dapat menangkis usaha mereka yang sebenarnya bertujuan menaikkan pasaran kayu iklim sederhana. (Ia) tidak ada kena-mengena dengan soal alam sekitar tetapi soal dagangan sebenarnya." --
Iaqi.

▼18/06/16-28MST

U GB 18-06 00183 BA019

aab

Mahathir - Pakatan 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Ketika ditanya mengenai usaha menanam semula kayu tropika yang ditebang, Dr Mahathir berkata Malaysia melihat kejayaan kaedah penanaman semula yang dijalankan di Indonesia.

Kajian sedang dibuat untuk menggunakan teknologi yang serupa, kata beliau.

Katanya, walaupun kawasan hutan di Malaysia tidak seluas di Indonesia, tetapi negara ini turut mempunyai program penanaman semula.

Ketika ditanya mengenai kemasukan secara haram kayu balak yang belum diproses dari Indonesia ke Malaysia melalui Melaka dan Batu Pahat di Johor, beliau berkata perkara itu dapat dihalang sekiranya ada kerjasama erat di antara kedua-dua negara.

"Sebaliknya kalau ada cara kita boleh mengimport secara sah, itu lebih baik. Ia boleh menguntungkan Indonesia dan kita, kalau itu dibenarkan oleh Indonesia," katanya.

Perjanjian itu ditandatangani oleh Pengarah Urusan Cash Berhad, Joseph Ambrose Lee dan Pengerusi Barito Pacific Group, Prajogo Pangestu.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Pelaburan Indonesia, Sanyoto Sastrowardoyo, Ketua Menteri Sabah Tan Sri Sakaran Dandai dan Pengerusi Cash Berhad Abdul Mulok Awang Damit. -- Bernama

JO NMO